



GAMBAR KENANGAN:Wakil Pengurusan JPP, PPPH dan MaPEK UMS bergambar kenangan selepas majlis itu.

PPPH dan MaPEK lawat JPP: Usaha kolaboratif mantapkan pengurusan

UB 15.8.2019 133

PUSAT Perumahan Pelajar dan Hospitaliti (PPPH) dengan kerjasama Majlis Pengetua Kolej Kediaman (MaPEK) mengadakan lawatan kerja ke Jabatan Pembangunan dan Penyelenggaraan (JPP), Universiti Malaysia Sabah (UMS) sebagai salah satu usaha kolaboratif pemantapan pengurusan Kolej Kediaman.

Pengarah PPPH UMS Talib Abdullah Shani berkata, lawatan kerja itu menunjukkan satu komitmen berterusan di antara semua pihak dalam menambah baik kemudahan di Kolej Kediaman serta perkhidmatan pengangkutan bas bagi kemudahan pelajar dari semasa ke semasa.

“Melalui penyediaan

kemudahan Kolej Kediaman dan sistem pengangkutan yang baik, ia akan memberi kemudahan dan keselesaan kepada pelajar UMS dalam menguruskan dan menjalani kehidupan harian mereka,” katanya.

Pengarah JPP UMS Prof Dr Mohamad Ibrahim Mohamad dalam ucapan alu-aluannya berbesar hati di atas kunjungan lawatan kerja itu, dan melihat ia sebagai satu usaha positif bagi kerjasama yang lebih komprehensif di antara kesemua pihak pada masa hadapan.

“Penyediaan kemudahan kepada pelajar dalam mereka menuntut ilmu merupakan satu usaha yang terpuji dan pihak kami bersedia untuk memberikan buah

fikiran serta tenaga kerja kepada pengurusan PPPH dan MaPEK dari semasa ke semasa bagi menjayakannya,” katanya.

Antara pengisian sesi lawatan kerja itu, pembentangan pengurusan organisasi jabatan, perbincangan aspek penyelenggaraan, pembersihan dan keceriaan Kolej Kediaman serta termasuklah kemudahan sistem pengangkutan bas pelajar UMS.

Lawatan kerja itu juga melibatkan wakil dari pihak MaPEK iaitu Wijaya Kamal Ramlan (Pengetua Kolej Kediaman Ecopark), wakil Pengurusan PPPH dan Kakitangan Pentadbiran HEP Kolej Kediaman serta pegawai dan kakitangan JPP.